KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	22/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	-			

Perkukuh usaha menjaga, kekalkan tanah rizab Melayu

Oleh Dr Fatin Afiqah Md Azmi
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Penyelidik Bersekutu Pusat Kajian Harta Tanah (CRES)

Tanah simpanan Melayu atau tanah rizab Melayu satu jaminan atau janji dalam pengekalan keistimewaan kepada orang Melayu di Malaysia. Ia satu tuntutan daripada tujuh wasiat dinyatakan dalam Wasiat Raja-Raja Melayu 1957.

Pada awalnya, tanah rizab Melayu tertakluk di bawah Enakmen Rizab Melayu 1913 yang dikuatkuasakan di negeri Melayu Bersekutu seperti Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Kemudian, enakmen ini dimansuhkan dan digantikan dengan Enakmen Rizab Melayu 1933.

Seterusnya, pada 1935, enakmen disemak dan diterbitkan semula sebagai Enakmen Rizab Melayu (NMB Bab 142) dan diguna pakai hingga hari ini.

Sementara itu, negeri Melayu tidak bersekutu contohnya Perlis, Kedah, Terengganu dan Johor mempunyai Enakmen Rizab Melayu tersendiri mengikut negeri masing-masing.

Pembangunan tanah rizab Melayu penting dalam mempertingkatkan taraf ekonomi negara, namun keseimbangan terhadap pengekalannya harus diperkukuhkan.

Ini kerana berlakunya penyusutan Tanah Rizab Melayu seperti dilaporkan *Berita Harian* pada 7 September 2018. Laporan itu menyatakan hanya tinggal 12 peratus berbanding peratusan berdasarkan ketetapan Raja-Raja Melayu yang menghendaki 50 peratus pemilikan tanah rizab Melayu dipegang orang Melayu.

Diperjelaskan lagi, keluasan keseluruhan tanah rizab Melayu di Semenanjung kecuali Pulau Pinang dan Melaka ialah sekitar 12.9 juta hektar dan pen-yusutan ketara berlaku di Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan.

Justeru, usaha ke arah mengukuhkan pengawalan dalam pengekalan keistimewaan orang Melayu harus dilakukan khususnya dalam menyelesaikan kelemahan tadbir urus tanah rizab Melayu.

Antara kelemahannya termasuklah penyimpanan rekod pembatalan status yang tidak diganti, geran tanah belum disahkan, tanah rizab Melayu yang dibatalkan dan digantikan tidak diwartakan segera seperti diperuntukkan dalam Enakmen Rizab Melayu dan Perkara 89 (3) Perlembagaan Persekutuan, serta penyimpanan dan pengurusan rekod dan maklumat tanah rizab Melayu yang tidak lengkap dan tidak dikemas kini.

Taraf ekonomi dan kuasa beli rendah berbanding kaum lain di Malaysia juga menyebabkan saiz pemilikan tanah rizab Melayu yang dimiliki bersama mengikut syer adalah kecil. Pemilikan saiz tanah kecil ini menyebabkan tanah tidak ekonomik dan akhirnya tidak mampu menjana pendapatan sepatutnya.

Ini turut mendorong pemilik tanah rizab Melayu untuk melakukan urus niaga dengan menjualnya dan ada melakukan penjualan haram kepada bukan Melayu atas faktor modenisasi dan perniagaan.

Langkah penyelesaian efektif amat penting untuk mengekalkan tanah rizab Melayu di negara ini. Antara cadangan termasuk memperketatkan syarat urus niaga dan pemajuan aset ini, pembentukan badan khusus untuk menguruskannya, pewujudan pangkalan data khusus untuk penyimpanan data tanah rizab Melayu, serta kempen peningkatan kesedaran dan kepentingan terhadap pengekalan dan pengukuhan tanah rizab Melayu menerusi bengkel, webinar, poster, penyelidikan geran dan sebagainya.

Prof Dr Ismail Omar melalui penulisannya dalam *BH* bertarikh 19 Mac 2020 mencadangkan kaedah melepaskan nilai terpenjara tanah rizab Melayu melalui instrumen wakaf.

Ia bukan sekadar pelaburan yang bijak, malah memenuhi 'maqasid khassah' serta mampu memberikan pulangan kepada pewakif serta pewaris tanah. Ia juga selari tunjang utama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), iaitu menjana semula ekonomi negara rentetan pasca pandemik.

Dari perspektif peguam, strategi dikemukakan seperti dalam artikel tulisan Prof Salleh Buang mencadangkan pemodenan Akta Tanah Rizab Melayu perlu diteruskan dengan terancang dan sempurna, bagi melindungi hak keistimewaan orang Melayu khususnya.

Tuntasnya, pelbagai usaha harus diperkukuhkan bagi melindungi dan mengekalkan tanah rizab Melayu supaya legasi dalam Wasiat Raja-Raja Melayu 1957 masih dapat dinikmati generasi berikutnya.

